

Hanya bersandiwara di Parlimen: PM Razaleigh tidak minat berdamai

KUALA LUMPUR, Khamis — Tengku Razaleigh Hamzah akan menggunakan kegagalan menghidupkan Umno melalui pindaan Akta Pertubuhan 1966 untuk mengekalkan perpecahan orang Melayu dan Umno bagi mencapai cita-cita besarnya, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Tengku Razaleigh sedar sejak awal lagi usahanya meminda akta itu menerusi rang undang-undang perundangan akan gagal, tetapi beliau tetap mahu mengemukakannya.

"Beliau sebenarnya mahu menunjukkan bahawa kegagalan itu adalah kerana pucuk pimpinan sekarang tidak mahu menghidupkan semula Umno. Inilah yang hendak dicari oleh Tengku Razaleigh. Dan inilah yang akan dijadikan isu untuk dijaja di seluruh negara bagi memburukkan kepemimpinan Umno sekarang.

"Tengku Razaleigh berusaha melakukan sesuatu yang dia sendiri sedar mustahil dapat dilakukannya. Bagi dia, bukan perpaduan orang Melayu yang dipentingkan, tetapi cita-cita besarnya.

"Jika perpecahan orang Melayu perlu dikekalkan supaya dia mendapat tempat dalam politik, dia akan berusaha mengemukakannya," katanya.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir memberi empat sebab Tengku Razaleigh sedar usahanya itu akan gagal, iaitu:

- Tengku Razaleigh tidak mempunyai undi majoriti di Parlimen;

- Umno yang dibatalkan pendaftarannya tidak boleh dihidupkan kembali kerana Parlimen tidak berkuasa membatalkan pendaftaran Umno yang ada sekarang;

- Walaupun Parlimen mempunyai kuasa untuk meminda undang-undang, ia tidak boleh bertindak sebagai Mahkamah Rayuan untuk membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan Umno sebagai pertubuhan tidak sah;

- Kerajaan tidak boleh menggunakan kuasa majoritinya di Parlimen untuk meminda undang-undang bagi kepentingan sesebuah parti politik.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebagai Perdana Menteri, beliau tidak ragu-ragu menggunakan undi majoriti Barisan Nasional di Parlimen bagi meminda undang-undang untuk kepentingan rakyat dan negara.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh menggunakan kuasa Parlimen untuk memenuhi kepentingan individu atau parti politik tertentu. Kalau Umno boleh menggunakan pengaruhnya di Parlimen untuk membatalkan keputusan mahkamah ke atasnya, apa akan terjadi kalau ada parti lain pula meminta Parlimen membatalkan keputusan mahkamah ke atas parti atau ahli mereka?

"Kita tidak boleh menggunakan kuasa di Parlimen untuk menyelesaikan masalah parti. Perkara ini belum pernah berlaku. Oleh itu, ahli Umno juga tidak boleh menggunakan Parlimen untuk menyelesaikan masalah Umno," katanya.

BERSAMBUNG di muka 2 ruang 4

Umno mahu elak jejaskan Parlimen

DARI MUKA 1

"Kalau Umno dibenar menggunakan kuasa Parlimen untuk kepentingan Umno, bermakna Umno menyalahgunakan institusi Parlimen untuk kepentingan parti. Jika ini berlaku ia bukan saja mengasaskan contoh yang tidak baik, tetapi akan menghilangkan keyakinan rakyat terhadap institusi Parlimen," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, apa yang diusahakan oleh Tengku Razaleigh jelas menunjukkan beliau tidak berminat menyatukan orang Melayu dan Umno.

"Beliau menolak tawaran menyertai Kabinet dan Umno. Sebaliknya beliau kemukakan usul yang beliau sendiri sedar akan gagal. Sekarang beliau mahu menjelajah seluruh negara menjaja keputusan perdebatan itu.

"Sebenarnya Tengku Razaleigh mahu bersandiwara di Parlimen, bukan untuk mencari perdamaian. Barangkali dengan mengemukakan

usul yang dia sendiri tahu akan gagal, boleh memuaskannya," katanya.

Perdana Menteri kesal kerana perdebatan dan kata-kata kesat daripada kedua-dua belah pihak merosakkan suasana yang cuba dibentuk bagi menyatukan Melayu dan Umno.

"Umno adalah teras orang Melayu dan kekuatan Umno terletak kepada perpaduan ahlinya. Tengku Razaleigh sedar hakikat ini, sebab itulah beliau mengemukakan usul itu kerana beliau mahu mengekalkan usahanya memecahbelahkan Umno dan orang Melayu," ujarnya.

Ditanya mengenai sokongan DAP kepada usul Tengku Razaleigh, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Perkara itu tidak memeranjatkan. DAP sentiasa menyokong sebarang usaha menjatuhkan Umno kerana Umno memperjuangkan kedudukan orang Melayu. Jadi kalau hendak membezakan antara Umno dan bukan Umno tanyalah

DAP pihak mana yang mereka sokong.

"Oleh kerana Tengku Razaleigh menentang Umno yang ada sekarang, maka tidak hairanlah mengapa DAP begitu ghairah menyokongnya," katanya.

Ketika undi belah bahagian dijalankan, 20 Ahli Parlimen DAP dan 15 ahli bebas menyokong usul Tengku Razaleigh manakala 108 Ahli Parlimen Barisan Nasional menentang.

Datuk Seri Dr Mahathir menyifatkan perdebatan di Parlimen selama dua hari itu sebagai membazirkan tenaga dan fikiran kerana Tengku Razaleigh dan penyokongnya datang ke Dewan itu dengan fikiran tertutup.

"Kita berhujah untuk mencari perdamaian, tetapi Tengku Razaleigh dan penyokongnya sedikit pun tidak menunjukkan minat untuk berdamai. Ini menyebabkan Encik Ghafar Baba terpaksa membatalkan hasratnya berhujah panjang," ujarnya.